

Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN

Zainora binti Daud¹

Mustaffa Abdullah²

Norsaleha bte Mohd Salleh³

ABSTRACT

The purpose of this research is to determine the perception and attitude of Syukbah Qiraat Student of learning qiraat curriculum at DQ and MTQN as well as to determine the factors of interest in Qiraat. This study was carried out at 10 ma'ahad tahfiz al-Quran, JAKIM around Malaysia. A total of 136 respondents were participated in this study. The data was processed using SPSS programme version 20.0. The instruments were questionnaire and interview. Descriptive statistic of frequencies, percentages and means were used to describe the outcome of the research questions. The research findings indicated that the student have a moderate perception as well as positive attitude towards learning qiraat curriculum. This finding also showed that the main factors that influenced the students' interest toward qiraat curriculum is their awareness to the greatness of the Qur'an. In addition, the effectiveness of the teaching method by the teachers also contributed equally. The interviewee also show that students have positive interest to the qiraat curriculum due to the close relationship to the course Tahfiz Quran. Thus, the perception and positive attitudes towards the learning of qiraat curriculum can enhance the mastery of it. Nevertheless, the lecturers are also play a very important role in the teaching process, which later contributing towards their success in this curriculum.

Key Words: Learning Curriculum Qiraat, Perception And Attitude & Syukbah Qiraat Student

Pengenalan

Kurikulum memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Kurikulum Qiraat merupakan satu ilmu yang membincangkan kaedah bacaan al-Quran yang tepat dan shahih berdasarkan pembacaan yang diriwayatkan secara mutawatir (al-Ma'sarawiy (2009). Perkembangan kurikulum qiraat telah bermula sejak penubuhan DQ (Darul Quran) pada tahun 1966 dan MTQN (Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri,

¹ Zainora binti Daud, MA Pengajian Islam, Pensyarah Jab.Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, zainora@kuis.edu.my

² Mustaffa Abdullah, PhD UM, Prof.Madya. Dr, Pensyarah Jab.al-Quran & al-Sunnah, APIUM, mustaffa@um.edu.my

³ Norsaleha Mohd Salleh, MA Pengajian Islam, Pensyarah Jab.Usuluddin, KUIS, noorsaleha@kuis.edu.my

JAKIM) pada tahun 1980an di Malaysia di dalam bidang pengajian tahfiz al-Quran dan qiraat. Pendidikan tahfiz di DQ dan MTQN semakin berkembang dan melalui banyak proses pembaharuan sehingga mempunyai beberapa syukbah pengajian seperti syukbah qiraat, syukbah syariah dan syukbah dakwah Darul Quran (2007). Matlamat utama pengajian kurikulum Qiraat ialah untuk mencintai al-Quran, menumbuhkan dan menguatkan keimanan kepada Allah s.w.t., memahami tafsiran dan makna-makna al-Quran dan mengamalkan syariat Islam yang dianjurkan dalam al-Quran dan sangat komited dan prihatin dengan al-Quran sama ada dari aspek spritual dan dakwah Dakhil ibn ‘Abdullah Al-Dakhil. (1429H/2008M).

Justeru itu, tahap kesedaran yang tinggi perlu disemai dan dibajai dalam diri pelajar supaya dapat melahirkan masyarakat yang berketrampilan dalam bidang pengajian qiraat. Sebagaimana beberapa objektif yang telah digariskan di dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat iaitu melahirkan huffaz yang:

- a) Beriman, bertakwa, berkebolehan menguasai dan mempraktikkan ilmu asas pengajian islam dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah.
- b) Berkebolehan memiliki ilmu-ilmu Islam yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Darul Quran, 2012

Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menenalpasti persepsi dan sikap pelajar syukbah qiraat terhadap pembelajaran kurikulum qiraat di DQ dan MTQN.
2. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan di dalam mempelajari qiraat.

Permasalahan kurikulum telah dibincangkan oleh Yusof Abdul Kadir (2007) juga turut membincangkan dalam tesisnya “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab’ah di Sebuah Sekolah Menengah” dengan menumpukan diskrepansi yang wujud antara sebelum dan selepas melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kurikulum qiraat Sab’ah di sebuah sekolah menengah di Jajahan Machang, Kelantan terhadap aspek-aspek hasrat, minat dan akhlak pelajar serta faktor-faktor yang mendorong terhadap kejayaan pelaksanaan p & p kurikulum qiraat sab’ah.

Sharun Nizam bin Muhammad Sukarman (2006) dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qiraat Al-Sab’ Di Kelas Kemahiran Al-Quran Di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan” telah membicarakan pengenalan Qira’at Sab’ah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dengan mengaitkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Qira’at Al-Sab’ di Kelas Kemahiran Al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan serta telah membuat rumusan bahawa tiada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang khusus menyebabkan para guru menggunakan pelbagai kaedah p&p.

Abd Rahman, Zainora et.al, 2012 juga telah menghuraikan permasalahan sering berlaku di dalam kurikulum pengajian qiraat di KUIS yang dikaitkan dengan faktor utama iaitu minat dan pelbagaikan aktiviti-aktiviti p&p untuk mengukuhkan penguasaan kurikulum qiraat.

Metodologi

a) Sample dan metod pengumpulan data

Pengkaji telah memilih pelajar semester enam dalam Diploma Tahfiz al-Quran di Darul Quran kerana mereka terlibat dengan kurikulum Qiraat dan mempunyai maklumat di dalam bidang kurikulum qiraat di DQ dan MTQN. Kajian ini merupakan sebahagian kajian Doktor Falsafah yang telah dijalankan di DQ dan sembilan buah MTQN Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM), Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis), Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat (MAIK), Kelantan, Institut al-Quran Terengganu, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah dan Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka. Seramai 136 orang pelajar semester enam yang dipilih menjadi responden kajian ini yang terlibat dengan pengajian Qiraat mengikut kaedah persampelan rawak berstrata dan seimbang (*proportionate stratified random sampling*) mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie & Morgan, 1979. Persampelan rawak ini digunakan bagi memastikan pelajar sukbah qiraat di sepuluh buah ma'ahad tahfiz al-Quran di bawah JAKIM termasuk DQ dapat mewakili populasi. Sebanyak 136 set soalselidik diedarkan sendiri oleh pengkaji di dalam kelas yang telah disetkan oleh pihak pentadbiran DQ selepas mendapat kebenaran daripada pihak JAKIM dan pentadbiran DQ dan MTQN serta pensyarah yang terlibat.

Penyelidik juga mengumpulkan data kualitatif melalui satu set temu bual semi struktur di kalangan responden yang dipilih juga berasaskan persampelan purposif yang mana responden adalah pelajar semester enam dalam syukbah qiraat dan yang bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik termasuk responden pelajar dalam kajian ini seramai 21 responden yang dipilih, 10 orang daripadanya pelajar lelaki yang mewakili DQ dan 5 orang pelajar perempuan yang mewakili DQ, empat pelajar perempuan daripada ITQAN, dua orang lelaki daripada MTQN MAIK, INTIM dan dua orang pelajar lelaki daripada MARSAH Johor.

b) Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan temu bual semi struktur kerana ia bersesuaian dengan keadah tinjauan. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih. Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan

data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen et.al 1989). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5) Mohd Majid Konting, 2005. Manakala set temubual semi struktur juga diadakan terhadap responden pelajar untuk mendapatkan data-data berkaitan persepsi pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat. Manakala ciri-ciri responden kajian untuk sesi temubual semi struktur adalah pelajar semester enam daripada syukbah qiraat yang terlibat dengan p&p Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali yang mewakili DQ dan MTQN.

Bagi menentukan kesahan dalam soal selidik dan soalan temubual telah dirujuk kepada tujuh orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan qiraat dan penyelidikan. Manakala kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Didapati instrumen soal selidik pelajar ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai alpha Cronbach ialah 0.93. Ini satu petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut dalam mengukur item-item yang hendak diukur.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : diadaptasi dari Stufflebeam (1971)

Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang dilaporkan ini adalah sebahagian kajian sebenar daripada kajian calon Doktor Falsafah. Berikut adalah persepsi pelajar-pelajar syukbah qiraat terhadap pembelajaran kurikulum qiraat di DQ dan MTQN yang dilihat daripada dua aspek utama iaitu peratusan persepsi awal serta persepsi dan sikap dan faktor-faktor kecenderungan terhadap pembelajaran kurikulum qiraat.

Jadual 2: Peratusan Persepsi Awal Pelajar terhadap Pembelajaran Kurikulum Qiraat

Pernah belajar Qiraat sebelum ke DQ/MTQN	Ada	29	21.7%
	Tiada	107	78.7%
Pernah mendengar	Ada	90	66.2%

**Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap
Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN**

e-ISSN : 2289-8042

Zainora bt Daud

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

bacaan Qiraat selain Riwayat Hafis sebelum ke DQ/MTQN	Tiada	46	33.8%
Pendorong mempelajari Qiraat	Diri Sendiri	72	52.9%
	Ibu/Bapa/Penjaga	20	14.7%
	Ahli Keluarga	3	2.2%
	Rakan	9	6.6%
	Guru	24	17.6%
	Lain-lain	8	5.9%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Secara puratanya sebahagian besar pelajar-pelajar aliran syukbah qiraat tidak mempunyai pendedahan awal berkaitan ilmu qiraat. Ini dapat dilihat dengan jadual di atas menunjukkan bahawa analisis peratusan pada item pernah belajar qiraat sebelum memasuki DQ atau MTQN sebanyak 21.7% berbanding yang tidak pernah sebanyak 78.7%. Manakala item pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafis 'an Ashim sebelum ke DQ dan MTQN juga sebanyak 66.2% berbanding yang tidak pernah mendengar sebanyak 33.8%. Seterusnya item pendorong mempelajari ilmu qiraat juga menunjukkan bahawa faktor diri sendiri mencatatkan peratusan yang tertinggi sebanyak 52.9%, diikuti dengan guru iaitu 17.6%, ibubapa 14.7%, rakan 6.6%, lain-lain 5.9% serta ahli keluarga 2.2%

Jadual 3: Persepsi dan Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Kurikulum Qiraat

Minat Pembelajaran KQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya meminati ilmu Qiraat	3 2.2%	4 2.9%	17 12.5%	65 47.8%	47 34.6%	4.09	0.88	Tinggi
Saya suka belajar Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali	4 2.9%	1 0.7%	17 12.5%	72 52.9%	42 30.9%	4.08	0.85	Tinggi
Kurikulum Qiraat sangat penting dalam bidang Tahfiz Al-Quran	4 2.9%	1 0.7%	10 7.4%	65 47.8%	56 41.2%	4.23	0.85	Tinggi
Kurikulum Qiraat tidak sukar dikuasai	2 1.5%	1 0.7%	37 27.2%	74 54.5%	22 16.2%	3.83	0.75	Sederhana Tinggi
Saya malu membaca Qiraat Sab'ah	55 40.4%	31 22.8%	31 22.8%	10 7.4%	9 6.6%	2.16	1.22	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan						3.57	0.89	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual di atas menunjukkan daripada lima persepsi pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat terdapat tiga item mencapai skor min yang tinggi (min=4.08) ke atas. Tiga item tersebut ialah terdiri daripada minat ilmu qiraat (min=4.08), suka belajar Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali (min=4.09) serta kurikulum Qiraat sangat penting dalam bidang Tahfiz al-Quran (min=4.23). Manakala satu item mencapai skor sederhana tinggi iaitu kurikulum qiraat sukar dikuasai (min 3.83) dan satu lagi item mencapai skor min yang sederhana rendah iaitu saya malu membaca qiraat sab'ah iaitu (min=2.16). Secara keseluruhan responden dalam kajian ini mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran kurikulum qiraat pada tahap yang sederhana tinggi dengan min keseluruhan 3.57.

Jadual 5: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Terhadap KQ.

Faktor-faktor Kecenderungan Pembelajaran KQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Meningkatkan takjub keagungan Al-Quran dan memelihara Habi Min Allah dan Habi Min Al-Nas	2 1.5%	2 1.5%	27 19.9%	56 41.2%	49 36.0%	4.08	0.86	Tinggi
Saya sangat seronok dengan waktu P&P Qiraat yang ditetapkan	1 0.7%	6 4.4%	32 23.5%	72 52.9%	25 18.4%	3.83	0.80	Sederhana Tinggi
Keperibadian unggul oleh imam Qurra menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu Al-Quran	1 0.7%	8 5.9%	23 16.9%	65 47.8%	39 28.7%	3.97	0.87	Sederhana Tinggi
Guru saya menggunakan ABM dan BBM yang berkesan dan sesuai dalam mengukuhkan p&p Qiraat	8 5.9%	13 9.6%	54 39.7%	48 35.3%	13 9.6%	3.33	0.98	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.80	0.87	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual di atas menunjukkan daripada empat item faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat, hanya satu item sahaja mencapai skor yang tinggi iaitu pada item meningkatkan takjub keagungan al-Qur'an dan memelihara *Habl Min Allah* dan *Habl Min al-Nas* dengan perolehan skor min (min=4.08) diikuti dengan tiga item iaitu item keperibadian unggul oleh imam Qurra' menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu Al-Qur'an, item saya sangat seronok dengan waktu P&P Qiraat yang ditetapkan dan item guru saya menggunakan ABM dan BBM yang berkesan dan sesuai dalam mengukuhkan p&p Qiraat yang mencapai skor min sederhana tinggi iaitu (min=3.3) ke atas. Secara keseluruhan skor min item faktor-faktor kecenderungan ialah 3.80 berada pada tahap sederhana tinggi.

Analisis secara terperinci keseluruhan item persepsi awal pelajar menunjukkan hampir sebahagian besar pelajar tidak mempunyai pendedahan awal berkaitan ilmu qiraat, walaupun sebanyak 66.6% peratus pelajar pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafis serta sebahagian peratusan yang mendorong mereka untuk mempelajari ilmu qiraat ialah disebabkan diri mereka sendiri. Walaubagaimanapun Crow L.D dan Crow, A. (1980) menyatakan bahawa tidak semua pelajar akan memulakan satu pengajian berdasarkan faktor minat sahaja tetapi juga hasil dari pengaruh guru, rakan sekelas ataupun seseorang ahli keluarganya.

Manakala analisis secara terperinci keseluruhan item persepsi dan sikap serta faktor-faktor kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat menunjukkan berada pada paras sederhana tinggi iaitu masing-masing (min=3.57, sp=0.89) dan (min=3.80, sp=0.87). Ini menunjukkan bahawa persepsi dan sikap yang positif pelajar-pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat dari aspek minat ilmu qiraat, suka mempelajari kandungan kurikulum Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali, tahu kepentingan kurikulum qiraat dalam bidang Tahfiz, tahap kesukaran penguasaan serta tidak malu membaca Qiraat Sab'ah. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan ianya selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abd Rahman, Zainora& et.al 2012, yang menyatakan kebanyakan pelajar yang mempelajari mata pelajaran qiraat disebabkan minat mereka.

Bahkan analisis keseluruhan item faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan mereka terhadap pembelajaran kurikulum qiraat ialah kesedaran mereka terhadap takjub keagungan al-Quran dan memelihara *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*. Kecenderungan perasaan seronok dengan waktu p&p qiraat, keperibadian unggul imam-imam qurra' serta penggunaan ABM dan BBM yang berkesan dan sesuai dalam p&p juga mempengaruhi mereka minat dan cenderung dengan pembelajaran kurikulum qiraat. Dapatan ini menyokong hasil temubual bersama pelajar yang menunjukkan mereka semua bersetuju ilmu qiraat berkaitrapat dengan bidang tahfiz al-Quran.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis dapatan kajian dan huraian perbincangan yang telah dibuat, beberapa kesimpulan boleh dibuat iaitu kajian ini mendapati faktor diri sendiri merupakan persepsi pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat. Kajian juga mendapati responden kajian mempunyai persepsi dan sikap yang positif terhadap pembelajaran kurikulum qiraat. Walau bagaimanapun masih di tahap yang perlu dipertingkatkan. Meningkatkan takjub keagungan

Al-Qur'an dan memelihara *Habl Min Allah* dan *Habl Min al-Nas* merupakan faktor utama di dalam meminati pembelajaran kurikulum qiraat sehingga dapat melahirkan keseronokan di dalam mempelajari kurikulum qiraat ditambah dengan faktor-faktor lain seperti keperibadian imam-imam qurra dan kaedah pengajaran guru yang berkesan.

Rujukan

Abd Rahman Abd Ghani, Zainora Daud, Hayati Hussin & Aishah Juri. 2012. Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS, Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Jurnal Pengajian Islam, bil.vi, KUIS: Bandar Seri Putra, Selangor.

Al-Ma'sarawiy, Ahmad Isa. 2009. Al-Kamil al-Mufasssal fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Ashr. Kaherah: Dar al-Iman al-Shatibiyy li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi.

Cohen, L. & Manion, L. 1989. Research Methods in Education. Ed. Ke-3, London: Routledge.

Crow, L.D dan Crow. A, 1980. Psikologi Pendidikan Untuk perguruan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dakhil ibn 'Abdullah Al-Dakhil. 1429H/2008M. Iqra' al-Quran al-Karim Manhajuhu wa Syurutuhu wa Asalibuhu wa Adabuhu (Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah bi Ma'had al-Imam al-Syatibiyy.

Darul Quran. 2007. Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM.

Darul Quran, 2012. Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Cet.ke-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM.

Krejcie, R.V & D.W Morgan. 1979. Detemining Size for Research Activities. Education and psychological Measurement. 30:607-610.

Mohd Majid Konting. 2005. Kaedah Penyelidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Sharun Nizam bin Muhammad Sukarman. 2006. "Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qira'at Al-Sab' Di Kelas Kemahiran Al-Quran Di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan" (tesis kesarjanaan), Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Stufflebeam, D.L. 1971. The Relevance of CIPP Evaluation model for Educationaleccountability. Journal of Research and Development in Education Fall.

Yusof Abdul Kadir. 2007. "Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab'ah di Sebuah Sekolah Menengah" (tesis kesarjanaan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.